

19/10/2000

Sentimen benci amat bahaya: Dr M

Kadir Dikoh

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini memberi amaran bahawa sentimen membenci yang disebarakan secara berterusan pembangkang amat berbahaya sehingga boleh menyebabkan seseorang hilang pertimbangan atau tidak siuman lagi.

Perdana Menteri berkata, sentimen itu akhirnya boleh mencetuskan keganasan dan mungkin perasaan benci kepada sesuatu perkara seperti hiburan, menyebabkan seorang lelaki di Johor dikatakan cuba menikam penyanyi terkenal, Siti Nurhaliza.

"Kita sudah saksikan ini semua seperti peristiwa di Sauk. Sekarang orang sudah mula membenci penyanyi dan lepas ini, mereka akan benci anggota kerajaan. Apabila sudah kecewa, mereka mungkin menggunakan kekerasan.

"Malah, apabila anda (ahli pembangkang) menggunakan kebencian untuk tujuan politik, maka dia akan hilang kawalan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Khidmat Biro Tindakan Sivil Umno di sini malam ini.

Pusat khidmat itu adalah projek pertama Biro Tindakan Sivil Umno yang dipengerusikan oleh ahli Majlis Tertinggi Umno, Azalina Othman Said.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo.

Mengulas mengenai pusat itu, Dr Mahathir berkata ia adalah satu langkah yang baik untuk memberi khidmat kepada rakyat, sejajar dengan kehendak Umno.

Beliau berkata, selepas pilihan raya umum lalu, pihaknya memutuskan setiap wakil rakyat membuka pusat perkhidmatan sendiri di kawasan masing-masing untuk berjumpa dengan rakyat dan mendengar masalah mereka.

Beliau turut ditanya mengenai tindakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dikatakan melanggar arahan mengadakan ceramah di Selangor.

Dr Mahathir berkata, negara ini mempunyai undang-undang dan sesiapa yang melanggarnya, perlu berhadapan dengan akibatnya.

"Jangan bila kita nak laksanakan undang-undang, ada orang buat demonstrasi kerana bagi mereka, undang-undang bermakna orang lain mesti dikenakan tindakan undang-undang, tetapi tidak kepada mereka," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, Umno berkebolehan untuk memberi khidmat kepada rakyat, bukan seperti parti pembangkang yang hanya mahu menanam sikap benci membenci di kalangan rakyat.

Katanya, sistem demokrasi adalah untuk memperjuangkan nasib rakyat dan sesebuah parti politik hendaklah berorientasikan perkhidmatan untuk rakyat sebagai sumbangan kepada kesejahteraan.

"Inilah harapan kita tetapi malangnya apabila diperkenalkan sistem demokrasi berparti, kita dapati lama kelamaan sesetengah parti politik tidak lagi memperjuangkan nasib rakyat," katanya.

(END)